



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 23 Jun 2020**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/ SUKNS/ BIL.21/ 2020	<p>Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Penghawa Dingin Dewan Theatre, Wisma Negeri Dan Kerja-Kerja Berkaitan</p> <p>PERINGATAN: Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.</p>	<p>Kelas: G1</p> <p>Kategori: ME (Mekanikal)</p> <p>Pengkhususan: M01 (Sistem Hawa Dingin Dan Pengedaran Udara)</p>	RM30.00 setiap satu borang	<p>29/6/2020 (Isnin)</p> <p>8.30 pagi</p> <p>Dewan Theatre, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan</p>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **30 Jun 2020 – 6 Julai 2020** pada waktu pejabat di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 7 Julai 2020 (Selasa)**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.